

Ceramah Syria Bergolak Tanda Hari Kiamat



Kuantan, 10 Januari – Baru-baru ini berlangsungnya Program Anda Tanya Ustaz Jawab anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) dan Jabatan Perpustakaan UMP dengan tajuk `Syria Bergolak Tanda Hari Kiamat' yang disampaikan oleh Ketua Promosi & Pemasaran Malaysia Life Line For Syria (MLLFS), Amirul Asraf Mat Arif.

Selain UMP penyertaan termasuklah pelajar Kolej Komuniti Kuantan, Kolej Universiti Widad, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Kuantan dal program yang berlangsung di Auditorium Perpustakaan UMP kampus Gambang ini. Hadir sama dalam program Pengarah PIMPIN, Dr.Mahyuddin Ismail.

Dalam berkongsi pengalaman, penceramah banyak menceritakan detik cemas sewaktu menjadi sukarelawan aktivis Badan Bukan Kerajaan (NGO) MLLFS yang telah tiga kali ke negara Syria.



"Terkini pada awal Januari, kami telah mengikuti misi kemanusiaan ke Aleppo, Syria bagi membantu mangsa kekejaman Regim Bashar Al-Assad. Antaranya misi membawa bantuan makanan, ubat-ubatan, produk nutrisi bayi dan pendidikan kepada mangsa terbabit yang kini mendapatkan perlindungan di Kem Pelarian di Idlit," katanya sewaktu bercerita tentang misi yang dikenali sebagai Misi Musim Sejuk 4.0 itu telah disertai oleh lima sukarelawan.

Beliau turut berkongsi bait-bait kata anak-anak Syria yang ditulis di sebalik dinding bangunan di Aleppo, antaranya... "Suatu hari nanti kami akan kembali ke bandar kami. Kami gantung semua impian kami dan semua harapan kami di dinding yang tidak runtuh di sini."

Tambah beliau, pihak MLLFS amat mengharapkan dan mengalu-alukan bantuan dari seluruh rakyat Malaysia khususnya dalam bentuk kewangan bagi meringankan beban mereka. Sumbangan boleh disalurkan menerusi akaun Maybank 5645-5733-8496 atau melayari laman web www.malaysia4syria.org untuk sebarang maklumat lanjut.

Peserta program, Khairiah Khairuddin dari Kolej Komuniti Kuantan berkata, beliau terpanggil untuk menyertai program ini kerana tajuknya yang menarik. Beliau kerap mengikuti berita-berita yang dikongsi bersama sukarelawan ketika menyertai misi kemanusiaan di Syria. Begitu juga dengan Luqman Al hakim Mohamed Yunus dari UIA turut menyifatkan keganasan di bumi Syria sememangnya memberi kesan di hatinya.

Beliau berharap misi yang dibawa oleh MLLFS memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia tentang apa yang berlaku di Syria setiap hari agar dapat diketahui perkembangannya. Selain itu satu pesannya, kita boleh bersedekah tanpa menggunakan wang. Ujarnya, pada zaman moden ini, hanya klik kongsi pada gambar-gambar atau cerita yang dipaparkan di laman *Facebook*. Selain itu, masyarakat juga telah menyumbang sesuatu untuk mereka kerana dengan perkongsian itu mungkin ada yang akan menyumbang sesuatu kepada rakyat Syria.



Disediakan Siti Sarah Rajimin dan Suntingan Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 15-02-2017, 15:53:58